



Headline: Pesara rugi lebih RM300,000 ditipu sindiket Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Kosmo

Section: Negara

Date: 17 October 2018

Page: 18

Pesara rugi lebih RM300,000 ditipu sindiket Macau Scam

PADAWAN – Seorang pesara kerajaan kerugian lebih RM306,000 akibat terpedaya sindiket Macau Scam sejak 27 September lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri, Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, mangsa yang berusia 65 tahun ditipu sindiket itu sejak 27 September sehingga kelmarin.

Menurutnya, mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang perempuan dikenali sebagai Siti Rohana Abdullah dari Mahkamah Kuala Terengganu yang mengatakan mangsa ada meminjam duit sebanyak RM50,000 dari Hong Leong Bank Kuala Terengganu pada 27 September lalu.

“Suspek menakutkan mangsa dengan mendakwa namanya akan disenarai hitam jika tidak membayar wang berkenaan.

“Apabila mangsa mengatakan tidak dapat pergi ke Kuala Terengganu untuk menjelaskan hutang berkenaan, talian itu disambungkan kepada seorang lelaki yang mengaku sebagai Sarjan Halim dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Terengganu kononnya sedang menjalankan siasatan terhadap kes itu,” katanya semalam.

Katanya, pada 1 Oktober lalu, mangsa diarahkan ke Affin Bank untuk membuka akaun dan memindahkan wang simpanan Amanah Saham Bumiputera (ASB) ke dalam akaun baru Affin Bank sebelum diminta menghantar nombor kad pengeluaran wang automatik (ATM) itu.

“Mangsa kemudiannya memindahkan semua wang ASB miliknya berjumlah RM306,033.57 ke dalam akaun Affin Bank itu sebelum akhirnya membuat laporan polis sebaik mendapati baki akaun hanya tinggal RM77 selepas itu,” ujarinya.